



Datang awal ke pasar raya esok, elak kesesakan - KPDNHEP Melaka

25/03/2020 12:06 AM

MELAKA, 24 Mac -- Rakyat Melaka yang ingin membeli barangan keperluan harian disarankan agar datang awal ke pasar raya esok, bagi mengelakkan kesesakan berikutan kebanyakan premis di negeri ini telah diminta mengehendkan kemasukan pelanggan pada satu-satu masa.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar berkata langkah itu berikutan orang ramai dijangka mengambil peluang membeli barangan keperluan susulan pembayaran gaji bagi kakitangan sektor awam esok.

Beliau berkata rakyat juga diminta supaya tidak melakukan pembelian panik kerana semua barangan keperluan seperti minyak, beras, gula serta barangan basah lain dijamin mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal wabak COVID-19 sehingga 31 Mac ini.

"Kita telah meminta kerjasama daripada semua pasar raya yang menjadi tumpuan ramai agar mengehendkan kemasukan pelanggan iaitu hanya 50 orang pada satu-satu masa supaya ada jarak sosial antara pelanggan.

"Bekalan makanan memang banyak termasuk roti putih dan belilah mengikut keperluan kerana berdasarkan kejadian sebelum ini, bekalan makanan atau barangan keperluan habis disebabkan terdapat individu yang membeli lebih daripada sepatutnya," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Norena berkata pihaknya juga telah mendapat jaminan daripada pengeluar roti bahawa bekalan roti putih mencukupi dan pengeluarannya akan ditingkatkan antara dua hingga tiga kali ganda daripada biasa.

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1824624>

-- BERNAMA

